

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (14)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 10/01/17

Bismillahirrahmanirrahim

Menurut kitab *Thamarat al-Muhimmah Diyafat li'l-Umara'I wal-Kubara'i li-Ahli-al-Mahkamah* (Buah-buahan yang dicita-cita hal keadaan jadi jamuan bagi Raja-raja dan bagi Orang Besar-besar yang mempunyai pekerjaan di tempat berhukum), susunan seorang ulama Alam Melayu yang tersohor, iaitu Raja Ali Haji al-Haji mencatatkan

“Bermula menjadikan Wazir-wazir atau Kepala-kepala negeri maka sayugianya dipilih akan orang yang ahli, memegang jabatan iaitu Islam, dan mukallaf, dan laki-laki, dan mereka yang mempunyai ijihad, dan tadbir yang baik yang amanah, dan benar lidahnya, dan yang mempunyai maruah, dan beradab, dan bersopan, dan berilmu dengan ilmu yang muhtaj kepadanya, beramal dengan amal yang baik tiada suka beramal dengan amal yang keji-keji...”

Bermula sayugia bagi Raja melafaz aqad untuk mentauliyahkan Menteri dengan kata-kata:

“Telah kujadikan si fulan Wazir, yakni Menteri, menyengutui (sekutu) kami dan menolong kami pada pekerjaan kerajaan. Telah kami izinkan akan dia dengan izin yang mutlak melakukan pemerintahan kerajaan yang di bawah takhta kerajaan kami khasnya dan ‘amnya telah kami serahkan kepadanya.”

Maka hendaklah melafazkan pula Menteri akan qabulnya: *“Telah qabullah aku menerima tauliyah Rajaku dengan cuci hatiku, insyaAllah Ta’ala, bersungguh-sungguhlah aku mengerjakan Rajaku dengan cuci hatiku.”*

Sepertimana yang telah disebutkan dalam artikel sebelum ini, dalam konteks pentadbiran institusi kesultanan Melayu silam, jawatan Bendahara bukanlah sama dengan jawatan Perdana Menteri dalam pentadbiran negara Malaysia masakini. Dari sudut *usul al-fiqh al-siyasi*, atau kaedah bagaimana sesebuah negara itu diperintah mengikut landasan syariat Islam, jawatan Bendahara mirip kepada jawatan Menteri Tafwidhi, yakni Menteri Tunggal atau Menteri Berkuasa Penuh yang diberi mandat oleh Khalifah atau Raja untuk menjalankan semua urusan pentadbiran negeri mengikut pertimbangan dan kebijaksanaannya serta melaksanakannya mengikut ijtihadnya.

Dalam manuskrip *Sulalatus Salatin* atau jolokannya *Sejarah Melayu* yang disusun oleh Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang, disebut bahawa Bendahara Melayu Melaka berasal dari Palembang. Demang Lebar Daun yang menjadi raja dari kerajaan Melayu di Bukit Siguntang telah merajakan Sang Nila Utama kerana melihatkan kelebihan tuah dan berkatnya, kerana Sang Nila Utama juga berasal dari keturunan raja-raja. Sedangkan dirinya kini diletakkan pada suatu kedudukan yang kemudiannya dipanggil Bendahara yang membawa erti ‘*tempat perbendaharaan bagi segala rahsia raja.*’

Suatu wa'ad atau *magna carta* telah dibuat. Demang Lebar Daun telah meletakkan syarat kepada Sang Nila Utama dan keturunannya dalam peranan sebagai Raja-raja Melayu untuk memelihara kebajikan umat Melayu. Sebagai balasannya Demang Lebar Daun telah bersetuju supaya “ *hamba Melayu tidak akan derhaka kepada rajanya.*” Kedua-dua pihak juga telah bersetuju bahawa jika keturunan daripada mana-mana pihak melanggar waad yang dibuat, maka pihak yang lain tidak lagi terikat dengan perjanjian sumpah setia tersebut.

Bagi mengukuhkan jalinan ikatan antara kedua pihak ini dalam hubungan sebagai Raja-Bendahara, Sang Nila Utama telah dikahwinkan dengan puteri Demang Lebar Daun yang bernama Radin Chandra Puri. Dari perkahwinan ini telah melahirkan keturunan Raja-raja Melayu Melaka dan meletakkan batu asas kepada adat Melayu dalam hal perkahwinan seorang Raja Melayu dengan puteri Bendahara yang diharapkan bakal melahirkan waris pemerintah yang gahara. Demang Lebar Daun jugalah yang memberi gelaran Yang di-Pertuan kepada Raja, ‘berpatik’, ‘bertuanku’ dengan baginda serta meletakkan beberapa adat Raja Melayu yang lain.

Menurut *Sejarah Melayu*: ‘*Maka adinda baginda Raja Kecil Muda dijadikan Bendahara, digelar Tun Perpatih Permuka Berjajar, ialah yang pertama jadi Bendahara.*’

Seri Wak Raja adalah gelaran Bendahara Melaka yang pertama selepas kedatangan Islam. Semenjak itu jawatan Bendahara dipegang oleh kerabat raja yang lebih tua, lazimnya bapa saudara raja itu sendiri. Maka daripada Bendahara ini serta orang-orang besar-besar yang bergelar ‘Tun’ pada masa itu bermulalah keluarga atau kerabat yang dikatakan ‘anak tuan-tuan’ atau golongan ‘pertuanan’.

Tugas utama Bendahara ialah ‘*memerintah, memberi kebajikan atas bumi yang dilingkari raja itu.*’ iaitu mentadbir kerajaan yang beraja secara fizikal. Di sinilah letaknya keunikan Institusi Bendahara atas fungsinya yang bersifat ‘*separuh raja separuh pembesar*’, iaitu dalam martabat Bendahara setaraf Raja tetapi dalam masa yang sama tetap berperanan sebagai hamba Melayu yang taat kepada baginda.

Dalam hal ini, sebagai penjaga peribadi dan penasihat sultan yang bertanggung sepenuhnya atas pundak Bendahara, segala perkara yang merangkumi darihal titik bengik urusan peribadi baginda sehinggalah kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal pentadbiran negeri adalah menjadi tanggungjawab Bendahara yang perlu dilaksanakan dengan penuh rasa kesedaran.

Bendahara dituntut untuk menjadi orang yang paling setia kepada Raja, yang paling prihatin akan hal ehwal baginda, yang paling menjaga kepentingan baginda dan sentiasa berada di sisi baginda dalam susah dan senang. *Dalam hal ini tidaklah keterlaluan untuk menyatakan bahawa Bendahara dituntut menjadi orang yang pertama memberikan kebaktian dan khidmat sepenuhnya kepada Duli Yang Dipertuan.*

Dalam pemerintahan mana-mana Raja Melayu yang masih kecil, Bendahara bertindak sebagai Pemangku Raja, iaitu Bendahara duduk di atas singgahsana dan Raja pula diletakkan di haribaan Bendahara. Jika raja berangkat ke luar negeri, Bendaharalah dipertanggungjawabkan memangku kerajaan dengan dua orang pembesar menjadi pembantu khas.

Bendahara juga mengambil peranan sebagai *field marshal* mengatasi Hulubalang Besar dan Laksamana dalam mengetuai angkatan perang. Contohnya Bendahara Tun Perak yang menghalau Siam dari perairan Melaka malahan mengalahkannya dalam perang di Singapura, Bendahara Tun Mutahir mengetuai angkatan Melaka dan Pahang melawan serangan Ligor, Bendahara Paduka Raja Tun Jenal mengetuai hulubalang Johor menumpaskan kubu Portugis di Melaka dalam tahun 1641M.

Bendahara juga bertindak sebagai Ketua Hakim dan dalam beberapa hal, mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tanpa perlu merujuk kepada Sultan. Bendahara juga dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkan undang-undang terhadap golongan pembesar dan kerabat bangsawan sehingga mempunyai balairaya sendiri untuk perbicaraan, menyambut tetamu, para pedagang dan sebagainya.

Kedudukan Bendahara Melaka tersangat penting hingga dalam majlis santapan diraja, Bendahara makan bersama-sama dengan putera-putera diraja, bahkan raja-raja daripada mana-mana negeri yang kecil makan sama dengan Bendahara dan tidak dengan Sultan.

Adat Melayu juga merujuk Bendahara sebagai pengganti raja, jikalau kemangkatan Sultan tiada berwaris.